

02/02/2004

81,468 peniaga dapat pinjaman kredit mikro

Azli Ayob

BANK Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pertanian Malaysia Bhd (BPMB) yang mengendalikan Skim Kredit Mikro sudah meluluskan pinjaman berjumlah RM774 juta membabitkan 81,468 peniaga kecil di seluruh negara sehingga 20 Januari lalu.

Daripada jumlah itu, RM670 juta sudah dikeluarkan membabitkan 81,607 peniaga kecil.

Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat BSN, Rasila Hamzah, berkata sehingga tarikh berkenaan, BSN sudah meluluskan pinjaman berjumlah RM574 juta di bawah skim itu membabitkan 64,224 pemohon.

Daripada jumlah itu, bank berkenaan sudah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM475 juta kepada 51,607 peniaga kecil, katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau berkata, sehingga 20 Januari lalu, BSN menerima 106,667 permohonan bagi mendapatkan pinjaman bernilai RM1.75 bilion di bawah skim berkenaan.

Sementara itu, seorang pegawai BPMB ketika dihubungi berkata, sehingga tarikh yang sama bank berkenaan sudah meluluskan pinjaman berjumlah RM200 juta membabitkan 17,244 pemohon.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, pinjaman berjumlah RM195 juta sudah dikeluarkan kepada kira-kira 30,000 pemohon.

"Jumlah kelulusan tertinggi yang kami terima ialah di Sarawak, iaitu berjumlah RM27.4 juta," katanya.

Di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad Mei tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan skim berkenaan bertujuan memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada peruntukan itu, RM500 juta disalurkan kepada BPMB bagi memberikan pinjaman kepada peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian, manakala RM300 juta kepada BSN bagi perniagaan bukan pertanian.

Sebanyak RM200 juta lagi disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang akan diletakkan di bawah BPMB.

Di bawah Skim Kredit Mikro itu, peniaga kecil yang layak boleh mendapatkan pinjaman sehingga RM20,000 tanpa memerlukan sebarang cagaran.

Bagaimanapun, jumlah pinjaman itu boleh ditingkatkan kepada RM50,000 bergantung kepada keperluan pemohon.

Sebelum ini, Rasila menjelaskan bahawa bagi memastikan pembiayaan di bawah Skim Kredit Mikro tidak disalah gunakan, BSN hanya memberi pinjaman kepada pemohon yang benar-benar layak berdasarkan penilaian perniagaan dan penilaian kredit permohonan.

Beliau berkata, penilaian perniagaan dilakukan mentor yang dilantik sama ada dari kalangan persatuan yang diluluskan atau kakitangan BSN yang dilatih untuk menilai jenis perniagaan pemohon dan keupayaan perniagaan berkenaan untuk menjana aliran wang tunai untuk bayaran balik.

Penilaian kredit pula dibuat dengan mengemukakan bukti kapasiti pemohon membayar balik pinjaman melalui penyata aliran tunai dan penyata untung rugi perniagaan ke atas pinjaman terdahulu, katanya.

Beliau berkata, keadaan semasa tahap hutang peminjam setiap bulan serta risiko pembiayaan di samping kekuatan perniagaan juga diambilkira.

"Penilaian ini dilakukan oleh kakitangan cawangan negeri dan ibu pejabat BSN yang sudah dilatih mengendalikan penilaian itu," katanya.

